

Hudud: Pas sedia bincang dengan PM

UM 3 1 MAY 2002

KOTA BHARU 30 Mei — Kerajaan Pas Terengganu sedia mengadakan perbincangan dengan semua pihak termasuk Perdana Menteri dan ilmuan Islam berhubung Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang akan dilaksanakan di negeri itu.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, pihaknya bersikap terbuka dalam hal itu dan sanggup berbincang dengan sesiapa sahaja secara ilmiah termasuk dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Kita bersedia untuk mendengar pandangan-pandangan secara ilmiah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mukhtar Dewan Pemuda Pas Pusat ke-43 di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik) di sini hari ini.

Menurut Abdul Hadi, rang undang-undang itu dijangka dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada awal Julai ini.

Beliau memberitahu, kerajaan negeri baru-baru ini juga telah mengadakan satu seminar bagi membincangkan pelaksanaan rang undang-undang itu dengan dihadiri oleh pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), parti politik dan ahli akademik.

Kata Abdul Hadi, secara umumnya para peserta menerima perkara nas dalam rang undang-undang itu

dan hanya membangkitkan perkara teknikal berkaitan saksi-saksi yang menjadi kayu pengukur dalam pelaksanaan hukum hudud.

Justeru beliau menyifatkan bantahan 12 NGO wanita ke atas cadangan rang undang-undang itu sebagai 'satu tuduhan dari jauh' kerana mereka tidak menghadiri seminar itu walaupun dijemput.

"Kita telah menjemput semua pihak termasuk mufti-mufti, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), kalangan akademik, parti-parti politik. Mengapa mereka tidak menghantar wakil," katanya.

Sasaran

Mengenai nasihat Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim supaya kerajaan Pas Terengganu mendapatkan nasihat dan pandangan ilmuan, Abdul Hadi berkata, beliau telah pun mengadakan satu pertemuan dengan badan itu baru-baru ini.

Mengulas desakan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil supaya kerajaan Terengganu menarik balik peruntukan undang-undang yang didakwa menzalimi dan menganiaya golongan wanita, beliau berkata, menteri itu sepatutnya dibantu oleh 'orang yang tahu tentang hukum Islam'.

"Saya melihat tuduhan dia tak mengenai sasaran," jelasnya.

Abdul Hadi menjelaskan, pelaksanaan hukum hudud lebih bersifat menggerunkan penjenayah dan pada masa yang sama menggalakkan penyelesaian di luar mahkamah.

Sementara itu hakim yang membicarakan kes itu pula katanya, digalakkan untuk mencari jalan bagaimana membebaskan tertuduh walaupun peratusan untuk berbuat demikian hanya satu peratus.

Abdul Hadi turut menyalahkan media massa yang tidak memberi ruang kepada pihaknya untuk memberi penerangan seluas-luasnya mengenai rang undang-undang tersebut sehingga ia menimbulkan bantahan banyak pihak.

Ditanya mengenai kerjasama dan persetujuan Kerajaan Pusat dalam pelaksanaan undang-undang itu, beliau berkata, pihaknya mengambil sikap positif berdasarkan kenyataan Dr. Mahathir bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

"Kita tidak mengambil sikap negatif tetapi secara positif. Sama ada Kerajaan Pusat akan benarkan atau tidak, kita tidak tahu benda (apa yang berlaku) yang akan datang," katanya.

Terdahulu ketika berucap, beliau menggesa Pemuda PAS menyiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran untuk menjadi pemimpin yang berwibawa pada masa depan.